


Akan terus sokong Warisan, sedia jadi MP pembangkang: Rozman

LABUAN: Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli (**gambar**), membuat laporan polis pada Selasa terhadap sebuah blog berita tempatan, *Sabahkini2*, berhubung satu laporan berita yang beliau sifatkan sebagai memfitnah dan berniat jahat.



Dalam laporan polisnya, Rozman juga menuntut permohonan maaf daripada blog berita berkenaan yang menurutnya telah merosakkan reputasinya dan menjejaskan kredibilitinya melalui laporan berita itu.

Laporan itu yang disiarkan Isnin lepas (9 Mac), mendakwa bahawa Roz-

man, yang meletak jawatan sebagai pengerusi majlis penasihat Perbadanan Labuan minggu lepas, sudah bersedia untuk keluar daripada Warisan untuk menyertai Perikatan Nasional (PN) diketuai Perdana Menteri, Muhyiddin Yassin.

Laporan bersifat spekulatif itu diterbitkan tidak lama sebelum pengumuman barisan kabinet baharu dan menjadi tular di pelbagai platform media sosial, mencetuskan kekeliruan tidak sepatutnya dalam kalangan pemimpin-pemimpin lain dalam Warisan.

"Saya sudah membuat laporan polis terhadap blog berita itu untuk menuntut permohonan maaf berhubung laporan fitnah mereka.

"Laporan polis ini juga akan digu-

nakan untuk langkah saya seterusnya sama ada untuk mengambil tindakan undang-undang atau sebaliknya, terhadap blog berita itu," beliau memberitahu satu sidang media di sini, Selasa.

Rozman berkata beliau menerima banyak pertanyaan daripada pelbagai pihak khususnya daripada kepimpinan tertinggi Warisan disebabkan laporan itu.

"Saya menafikan sekeras-kerasnya laporan *Sabahkini2* itu yang telah merosakkan reputasi saya dan berharap penafian saya melalui sebuah infografik kelmarin (Isnin) dan hari ini akan menjelaskan kekeliruan itu.

"Ini adalah pendirian saya sebagai Ahli Parlimen Labuan mewakili Warisan: Saya akan terus menyokong Warisan dan saya bersedia menjadi Ahli

Parlimen (MP) pembangkang untuk menyuarakan hak-hak Labuan dan Sabah," katanya.

"Saya sebenarnya sudah merujuk kepada rakan-rakan saya yang mahir dalam aspek perundangan berhubung laporan berkenaan, dan saya diberitahu wujud kes fitnah dikaitkan kepada masa laporan itu diterbitkan, serentak dengan isu-isu tawar-menawar di mana ada ahli parlimen lain didorong untuk menyertai blok tertentu.

"Saya percaya mungkin masih ada sesetengah orang yang percayakan laporan itu meskipun saya sudah membuat penafian dalam infografik kelmarin. Saya rasa adalah wajar bagi *Sabahkini2* membuat permohonan maaf untuk mengembalikan reputasi saya yang terjejas gara-gara laporan itu," katanya.